

23/11/1999

NGO ajak rakyat sokong BN

KUALA LUMPUR, Isnin - Sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif di Selangor, Pertubuhan Kaunseling dan Perkhidmatan Rakyat (PKPR), mengajak seluruh rakyat menyokong Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ini.

Presidennya P Gunaseelan berkata hanya BN mampu mengekalkan keamanan serta menyediakan pelbagai agenda pembangunan bagi kebaikan semua lapisan masyarakat.

Katanya, kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan saja terserlah di negara, malah turut dikenali pada peringkat antarabangsa.

Katanya, PKPR turut berbangga kerana Selangor mencapai tahap kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata, Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar adalah pemimpin yang berwawasan, berpandangan jauh dan mengambil berat kebajikan masyarakat setempat.

"Sejak penubuhan PKPR dua tahun lalu, banyak isu yang diutarakan termasuk masalah setinggan dan krisis air dapat diselesaikan dengan baik oleh kerajaan Selangor.

"Malah, masalah tiada bekalan air yang dihadapi sebuah kampung di Bukit Beruntung sejak 25 tahun lalu juga berjaya diselesaikan hanya dalam tempoh 25 hari selepas PKPR membawa masalah itu kepada Abu Hasaan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau turut mengumumkan manifesto PKPR sebagai menyokong pucuk pimpinan Dr Mahathir dan Abu Hassan.

Kira-kira 4,000 naskhah manifesto yang disertakan biodata calon pilihan raya di Selangor, diedarkan kepada orang ramai.

PKPR juga membuka bilik gerakan di semua kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor bagi memudahkan urusan berkaitan pilihan raya.

Gunaseelan berkata, PKPR mengamalkan sikap terbuka dan sentiasa bekerja rapat dengan kerajaan Selangor demi menjaga kebajikan rakyat di negeri itu.

Katanya, ketika berlaku krisis air di Selangor, PKPR menyediakan talian bebas tol bagi kemudahan orang ramai membuat aduan.

Beliau berkata, sempena pilihan raya umum, PKPR mengerahkan semua ahlinya membantu calon yang bertanding untuk berkempen di kawasan masing-masing.

(END)